



**"MENYINTAI DAN MENGASIHI RASULULLAH S.A.W".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ<sup>1</sup></p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan menyeru para Jemaah sekalian, agar sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah dan suruhan-Nya, serta meninggalkan segala larangannya disamping memuhasabah hubungan kecintaan kita dengan baginda Nabi SAW dalam kehidupan seharian. Moga-moga dengan usaha kita ini akan dapat memperteguhkan ketaqwaan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.</p>	5
<p>Marilah kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk <b>"MENYINTAI DAN MENGASIHI RASULULLAH SAW"</b>.</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	6
<p>Sesungguhnya cinta yang paling agung adalah cinta kepada Allah SWT dan cinta kepada Rasulullah SAW. Cinta kepada baginda Rasulullah SAW bukanlah cinta kecil tetapi ianya berkaitan soal iman. Orang yang beriman dan bertaqwa dalam jiwanya akan sentiasa merasai rindu kepada dan kasih kepada Rasulullah SAW melebihi segala dalam kehidupan.</p>	7

<sup>1</sup> Ali Imran : 31.



<p>Orang beriman yang mengenali Junjungan Nabi SAW akan sentiasa rindu dan kasih kepada baginda dan bercita-cita untuk bertemu dihari akhirat nanti. Apalah ertinya kehidupan pada hari ini tanpa cinta dan kasih kepada baginda yang sangat mendalam. Mereka yang menyintai dunia termasuk Ibu dan bapa dan masyarakat lebih daripada Rasulnya tergolong dikalangan orang yang tidak sempurna imannya .</p>	8
<p>Ini terbukti dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radhiallahu Anhu sabda Nabi SAW:</p> <p>لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ.</p> <p><i>“Tidak sempurna iman seseorang dari kamu sehingga dia lebih mencintai aku daripada kedua ibu bapanya, anaknya, dan manusia seluruhnya.”</i> (Riwayat al-Bukhari).</p>	9
<p>Persoalannya hari ini sejauh manakah nilai cinta kita kepada Rasulullah SAW? Berapa kali dalam hidup kita mengenang dan memperbaiki hubungan cinta kepada Rasul? Bukankah cinta kepada Rasul itu suatu yang amat tinggi nilainya disisi Allah Taala.</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	10
<p>Siapa yang tidak mengenali Rasulullah SAW? Insan agung utusan Allah SWT yang menjadi perantaraan kita semua memiliki nikmat iman dan Islam, menjadi penyinar dan pembimbing memandu dan menjadi tauladan manusia di atas muka bumi ini. Perjuangan baginda tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memperbaiki dan menyempurnakan akhlak yang mulia dan membawa manusia kembali kepada akidah yang benar dengan menyembah dan beribadah kepada Allah SWT semata-mata.</p>	11



<p>Firman Allah Taala dalam Surah ali Imran 164:</p> <p>لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾</p>	12
<p><i>“Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat-Nya) kepada orang-orang yang beriman, setelah ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat). dan Sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”</i></p>	13
<p>Tanpa susah payah perjuangan baginda mengajar dan mendidik kita sebagaimana yang disebut dalam ayat tadi, iman dan Islam yang ada pada diri kita tidak mungkin akan dapat dinikmati. Oleh sebab itu Allah mengingatkan pada hambanya bahawa dengan mengikuti ajaran rasulullah SAW adalah pra syarat kenal dan cinta kepada Allah Taala sekaligus mendapat rahmat dan pengampunan daripada Allah SWT.</p>	14
<p>Ini terbukti dalam al-Quran melalui firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 31 yang dibaca di awal khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>“Katakanlah (wahai Muhammad) jika kamu mencintai Allah, maka hendaklah kamu mengikuti aku, nescaya Allah akan mencintai kamu dan akan mengampunkan dosa dosamu, Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”</i></p> <p><b>Muslimin yang dirahmati sekalian,</b></p>	15
<p>Nabi SAW juga seorang insan yang sangat sayang dan kasih kepada umatnya. Bahkan baginda sentiasa mengenang akan umatnya walaupun setelah ketiadaan baginda. Kecintaan baginda kepada umatnya sangat hebat jika dibandingkan dengan kita umatnya pada hari ini sedangkan Nabi SAW adalah seorang yang sangat rindukan umatnya. Namun tidak dinafikan ramai juga dikalangan masyarakat yang masih leka dan jahil dengan melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh baginda Nabi SAW bahkan tidak keterlaluan ada yang bertindak jahat terhadap baginda SAW. Sikap mempertikaikan dan mempersenda Nabi SAW adalah bukti kejahilan yang nyata bahkan tidak keterlaluan sikap ini sebenarnya menentang kebenaran daripada Allah SWT. Sebagai contoh memperlekeh sunnah Nabi SAW sebagai ketinggalan zaman, serta menolak hadis-hadis yang dikumpulkan oleh para ulama sebagai tidak benar adalah suatu agenda bagi merendah-rendahkan kewibawaan Nabi SAW.</p>	16



<p>Sebuah hadis ada menyatakan mengenai kerinduan dan kecintaan Rasulullah SAW terhadap umatnya yang lahir selepas kewafatan Baginda. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radhiallahu Anhu bahawasanya Rasulullah bersabda:</p> <p>وَدِدْتُ أَنِّي لَقَيْتُ إِخْوَانِي، قَالَ: فَقَالَ أَصْحَابُ النَّبِيِّ ﷺ: أَوْلَيْسَ نَحْنُ إِخْوَانُكَ؟ قَالَ: بَلْ أَنْتُمْ أَصْحَابِي، وَلَكِنْ إِخْوَانِي الَّذِينَ آمَنُوا بِي وَلَمْ يَرُونِي</p>	17
<p><i>"Aku sangat ingin untuk berjumpa saudara-saudaraku. Maka sahabat-sahabat Nabi pun bertanya, 'Bukankah kami ini saudara-saudaramu? Iya! Bahkan kamu hanyalah sahabatku tetapi bukan saudaraku. Saudara-saudaraku ialah mereka yang beriman kepadaku tetapi tidak pernah melihat aku."</i></p> <p>(Riwayat Ahmad).</p> <p><b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p>	18
<p>Mari sama-sama kita renung dalam diri kita apakah kita benar-benar menyintai Rasulullah atau hanya sekadar ikutan dan langsung tidak terasa dalam jiwa ini kasih dan sayang kepada baginda? Antara cara untuk membuktikan kecintaan kita kepada Junjungan besar Nabi SAW ialah:</p> <p><b>Pertama;</b> Hidupkan sunnah dan mengikuti cara Rasulullah SAW dalam segenap aspek kehidupan meliputi politik, ekonomi sosial, keluarga dan lain-lain.</p> <p><b>Kedua;</b> Sentiasa mengingati dan mengenang sejarah pengorbanan baginda Nabi SAW dalam menyebarkan dakwah.</p> <p><b>Ketiga;</b> Sentiasa mengucapkan selawat dan salam kepada Nabi SAW. Basahi lidah kita untuk berselawat kepada Junjungan Nabi SAW dalam setiap kerja terutama dalam solat. Berselawat ertinya mendoakan kesejahteraan baginda bahkan amat malu kita sebagai umat nabi Muhammad jika tidak rajin berselawat kerana Allah dan para malaikat juga berselawat kepada Baginda.</p>	19
<p>Sebagaimana Firman Allah dalam surah al-Ahzab 56:</p> <p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا</p>	20



<p><i>“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); Wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.”</i></p>	21
<p>Begitu juga hadis diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesiapa yang berselawat ke atasku sekali, maka Allah berselawat keatasnya sepuluh kali.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah,</b></p>	22
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini marilah sama-sama kita mengambil iktibar beberapa tausiah penting yang perlu diberi perhatian:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa menyintai dan mengasihi Rasulullah SAW adalah suatu tuntutan dalam agama Islam dan ianya merupakan perintah Allah SWT.</li><li>2. Umat Islam hendaklah membuktikan kecintaan dan kasih kepada Baginda Rasulullah SAW dengan mengamalkan sunnah baginda, sentiasa mengingati dan sentiasa berselawat ke atas junjungan dalam sepanjang kehidupan seharian</li><li>3. Umat Islam hendaklah mendidik diri, keluarga dan masyarakat untuk sentiasa mensyukuri nikmat iman dan Islam dengan mencintai baginda SAW.</li></ol>	23



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾</p>	24
<p><i>“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (yaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (Dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.”</i></p> <p>(al-Taubah : 128).</p>	25
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	<b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b>  Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُورِ،
8	سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالنَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تغكو أمير شاه إبنالسُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلْيَذْكُرُوا اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15